

Penyu berusia lebih 40 tahun ditemui mati

PORT DICKSON - Seekor penyu spesies agar ditemui mati di pantai Teluk Kemang, Port Dickson pagi semalam.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, penyu jantan seberat lebih 100 kilogram yang dianggarkan berusia lebih 40 tahun itu ditemui oleh orang awam.

“Kakitangan jabatan bergegas ke lokasi untuk membuat pemeriksaan dan penyu itu dipercayai sudah beberapa hari mati di tengah laut dan dihanyutkan ombak ke pesisiran pantai.


“Pemeriksaan mendapati tiada sebarang kesan cedera pada penyu berkenaan dan kita tidak pasti punca kematiannya,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, reptilia marin terancam itu wujud dalam populasi yang sedikit di Negeri Sembilan.

Sehubungan itu katanya, orang ramai diingatkan supaya prihatin dengan tidak mengganggu penyu itu terutama jika menemuinya sedang naik ke pantai untuk bertelur termasuk tidak mengambil telurnya.

“Kita berharap orang ramai yang menjumpai penyu mati atau cedera untuk hubungi talian 06-647 2050/06-662 1089 atau menghantar mesej di Facebook Jabatan Perikanan Negeri Sembilan untuk tindakan,” katanya.

FOTO: JABATAN PERIKANAN NEGERI SEMBILAN



Penyu jantan berusia lebih 40 tahun ditemui mati di pantai Teluk Kemang, Port Dickson pagi semalam.